

Soalan No :18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 30.10.2014

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kajian terhadap keperluan kepelbagaiaan pendidikan bagi kanak-kanak Kelainan Upaya telah dijalankan dan apakah rancangan kementerian bagi menangani keperluan kanak-kanak kelainan upaya selain pekak, bisu dan buta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk menjalankan kajian *feasibility* pendidikan bagi murid berkeperluan khas. Dapatkan kajian tersebut dijadikan panduan kepada KPM dalam merancang dan menambah baik pendidikan khas KPM.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, pendidikan murid berkeperluan khas dirancang mengikut kompetensi murid iaitu murid berkefungsian tinggi, sederhana dan rendah. Murid

berkeperluan khas berkefungsian tinggi digalakkan untuk mengikuti pendidikan di arus perdana manakala murid berkeperluan khas yang berkefungsian sederhana dan rendah akan ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang menyediakan pendidikan berbentuk kemahiran dan kemahiran asas.

PPPM 2013 – 2025 juga memberi fokus kepada pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif secara meluas. Selain daripada penyediaan kurikulum yang relevan, latihan guru dan tentera pakar dan membina kesedaran dan penglibatan awam, KPM juga merancang untuk:

- a) Menaik taraf infrastruktur dan peralatan PPKI di sekolah arus perdana dan sekolah pendidikan khas berdasarkan kategori murid berkeperluan khas.
- b) Menaik taraf sekolah sedia ada mengikuti keperluan asas pendidikan khas termasuk kemudahan mesra orang kurang upaya bagi murid berkeperluan khas kurang upaya fizikal.
- c) Menubuhkan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang menyediakan perkhidmatan sokongan bagi membolehkan murid berkeperluan khas semua kategori menerima pendidikan yang optimum.

KPM juga akan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas bermula tahun 2017. Kurikulum ini akan memberi fokus kepada asas kemahiran dan pendidikan vokasional.